

KOTA LUKUT, pusat pertahanan dan pentadbiran Raja Jumaat, pemerintah daerah Lukut pada abad ke-17. Kota ini terletak di atas Bukit Gajah Mati, Negeri Sembilan.

Pada tahun 1836, Sultan Muhammad yang memerintah negeri Selangor melantik Raja Jumaat sebagai wakil baginda di Lukut. Sewaktu berkuasa di Lukut, Raja Jumaat mendirikan sebuah kota di atas bukit tidak jauh dari pekan Lukut. Raja Jumaat mengadakan pasukan askar seramai 22 orang dan di sekeliling kota diletakkan meriam untuk mempertahankan kota dan pekan Lukut.

Setelah Raja Jumaat mangkat, anaknya Raja Bot mengambil alih pentadbiran Lukut, dan memperluas kota tersebut dengan membawa lebih daripada 30 orang Arab untuk berkhidmat sebagai askar. Beberapa kejadian berlaku di kota ini. Antaranya termasuklah serangan oleh Raja Sulaiman dari Sungai Raya kerana tidak mahu bertuankan Raja Bot, tetapi dia tewas. Kejadian kedua berlaku ketika seorang pedagang dari Langat mendakwa kulinya seorang Cina Lukut melarikan diri ke dalam kota dan dia tewas dalam pergaduhan ini. Semasa pentadbiran British, pergaduhan terjadi di Sungai Ujong antara Dato' Kelana dengan Dato' Bandar, mengakibatkan Negeri Sembilan diwujudkan, dan digabungkan menjadi Negeri-Negeri Bersekutu. Raja Bot seterusnya meninggalkan Lukut, dan pergi ke Singapura sebelum pulang ke Kelang.

Kota Lukut berbentuk segi empat, berukuran 130 m di bahagian timur barat, dan utara, manakala di bahagian

selatan berukuran 170 m. Kota ini dikelilingi parit sedalam lebih kurang 3 m, dan ditanam dengan batang-batang kayu tajam. Tanah yang digali digunakan untuk membina tembok kota. Kota ini mempunyai dua pintu masuk, iaitu di utara, dan barat dan dilengkapi dengan meriam serta pengawal. Di tengah-tengah kota ini terdapat kesan tapak asas sebuah rumah yang dibina oleh Raja Jumaat untuk anaknya, Raja Wok. Di bahagian penjuru barat daya kota ini terdapat sebuah perigi dan beberapa kolam air.

Kini, Kota Lukut dibaikpulih dan merupakan salah satu monumen bersejarah. [*lih. j.* RAJA BOT]